## DATE: 25 JULY 2014 PUBLICATION: KOSMO! SECTION: BUSINESS SECTION HEADLINE: REACH ENERGY WANTING TO FINISH BUYING ASSETS CATEGORY: COMPANY NEWS MEASUREMENT: 247CMSQ

## Reach Energy mahu selesai beli aset

KUALA LUMPUR – Reach Energy Berhad yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia bulan depan, merancang untuk menyelesaikan pembelian asetnya dalam tempoh 12 hingga 18 bulan, kata Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusannya, Shahul Hamid Mohd. Ismail.

"Kami mempunyai banyak aset yang sedang dinilai namun ia mengambil masa untuk menyelesaikan perjanjian berikutan peraturan dan proses kelulusan pemegang saham," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran prospektus syarikat itu sempena penyenaraian awam awalnya di sini semalam.

Shahul menjawab soalan sama ada Reach Energy akan menyelesaikan perjanjian pembelian lebih cepat daripada saingannya, Sona Petroleum Bhd.

Sona disenarai di Bursa Malaysia pada Julai tahun lalu, memeterai perjanjian pertamanya untuk membeli sebahagian dua blok minyak dan gas di Teluk Siam, Thailand minggu lalu daripada syarikat berpangkalan di United Kingdom, Salamander Energy Ltd., bernilai kira-kira RM900 juta.

Ini merupakan sebahagian daripada strategi Sona untuk mendapatkan aset di Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika.

Reach Energy, bagaimanapun berkata, ia hanya mmemberi perhatian di rantau



SHAHUL HAMID (dua dari kiri) melihat prospektus sempena penyenaraian awam awal syarikat di Kuala Lumpur semalam.

Asia Pasifik, termasuk pasaran seperti Malaysia, Thailand, Filipina, Vietnam dan Australia.

"Kami tidak mahu banyak pembelian kerana pembelian aset membabitkan pelaburan besar dan masa.

"Kami akan memberi tumpuan ke atas

Asia, di mana terdapat sasaran pembelian yang banyak," kata Shahul Hamid.

Reach Energy melihat potensi dalam medan minyak dan gas lebih kecil untuk peserta lebih kecil berikutan syarikat antarabangsa mengabaikan mereka untuk meneroka medan hijau, katanya.